PERBADANAN LABUAN
LABUAN CORPORATION

# MS ISO 9001:2015

## PL-PK(PEN)-01

# PERBADANAN LABUAN

| PL-PK(PEN)-01 | |
|---|---|
| **URUSAN PENILAIAN PEGANGAN BAHARU – PINDAAN SENARAI NILAIAN** | |
| **Disediakan Oleh** : ______________________<br>Nama : Mohd Sukri Bin Kamarzaman<br>Jawatan : Penolong Pengarah (Penilaian)<br>Tarikh : 1.11.2017 | |
| **Disemak Oleh** : ______________________<br>Nama : Gilbert Chin<br>Jawatan : Pengarah (Harta)<br>Tarikh : 1.11.2017 | |
| **Diluluskan Oleh** : ______________________<br>Nama : Hj. Rithuan Bin Hj. Mohd Ismail<br>Jawatan : Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran)<br>Tarikh : 1.11.2017 | |
| No. Keluaran : 01 | Tarikh Keluaran : 1.11.2017 |

**REKOD PINDAAN**

| Bil | Maklumat Ringkas Pindaan | Tarikh Kuatkuasa Pindaan |
|---|---|---|
| 1. | Pindaan Borang PL-PK(PEN)-01 Pindaan 01 | 15.12.2021 |
| 2. | Pindaan pada :<br>Lampiran 1 - Notis Penilaian Pegangan / Hartanah<br>Lampiran 1 - Makluman Penolakan Bntahan Nilaian<br>Lampiran 2 - Sesi Pendengaran Bantahan Nilaian<br>Lampiran 3 - Pendengaran Bantahan Nilaian<br>Lampiran 4 - Keputusan Bantahan Nilaian | 15.12.2021 |

## 1.0 OBJEKTIF

Proses kerja-kerja penilaian keatas pegangan/bangunan baharu di Wilayah Persekutuan Labuan berdasarkan Bahagian XV, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

## 2.0 SKOP

Digunapakai oleh :

1. Unit Penilaian, JPPPH bagi memproses kerja-kerja penilaian ke atas pegangan/bangunan baharu di Wilayah Persekutuan Labuan untuk dikenakan cukai kadaran.

## 3.0 RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti (PL-MK)

3.2 Akta Kerajaan Tempatan 1976

3.3 Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah 1985

3.4 Property Assesment System - PLMIS

## 4.0 DEFINISI

### Senarai Nilaian

Senarai pegangan yang dikenakan kadar yang mengandungi perihal seperti berikut:

a) Nama jalan atau nama tempat dimana pegangan itu terletak;
b) Nama atau nombor pegangan;
c) Nama pemunya atau penduduk, jika diketahui;
d) Nilai tahunan atau nilai tambah pegangan.

### Pegangan

Mana-mana tanah yang ada atau tidak ada bangunan di atasnya.

## 5.0 SINGKATAN

### 5.1 Jawatan

| | | |
|---|---|---|
| P | - | Pengarah JPPPH |
| P.Pen | - | Penolong Pengarah (Penilaian) |
| PPP | - | Penolong Pegawai Penilaian |
| SUP | - | Setiausaha Pejabat |
| PP | - | Pembantu Penilaian |
| PT | - | Pembantu Tadbir (Penilaian) |
| PAP | - | Pembantu Am Pejabat |

### 5.2 Pentadbiran

| | | |
|---|---|---|
| FP | - | Fail Pegangan |

## 6.0 TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

| Tanggungjawab | Tindakan | Rujukan/ Lampiran |
|---|---|---|
| | **PENDAFTARAN** | |
| SUP | 1. Terima dan daftar surat permohonan pendaftaran mendirikan bangunan yang lengkap atau Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan. Jika tidak ada pemilikan atas tanah, minta pemohon buat surat akuan bersumpah (rumah kampung sahaja). | |
| | **PROSES SIASATAN & ARAHAN** | |
| P/P.Pen | 2. Teliti dan arahkan untuk lawatperiksa. | |
| | **PROSES LAWATPERIKSA & LAPORAN** | |
| PPP/PP | 3. Lawat periksa pegangan. Buat ukurperiksa ke atas pegangan. Sediakan laporan seperti berikut:<br>a) Laporan Pemeriksaan dan Pengukuran Harta<br>b) Penyata Pemilik (jika dikembalikan)<br>c) Penyata Penduduk (jika dikembalikan)<br>d) Pelan Lantai Bangunan<br>e) Pelan tapak/lokasi<br>f) Gambar pegangan | PL-PK(PEN)-01/01 Pindaan 01 Laporan Pemeriksaan Dan Pengukuran Harta :<br><br>PL-PK(PEN)-01/02 Penyata Pemilik<br><br>PL-PK(PEN)-01/03 Penyata Penduduk |
| PP | 4. Pastikan Senarai Semak Pendaftaran Pegangan telah lengkap dan Borang Tindakan Kerja disediakan. | PL-PK(PEN)-01/04 Senarai Semak Pendaftaran Pegangan<br><br>PL-PK(PEN)-01/05 Borang Tindakan Kerja |
| PPP | 5. Semak fail pegangan. Jika lengkap, buat kiraan dan nilaian di dalam Kertas Penilaian. Jika belum lengkap, kembalikan kepada PP untuk semakan semula. | PL-PK(PEN)-01/06 Kertas Penilaian |

| Tanggungjawab | Tindakan | Rujukan/ Lampiran |
|---|---|---|
| PT | 6. Rekod data di dalam sistem komputer kadaran hartanah (PLMIS). | |
| PPP | 7. Semak data di sistem komputer. Jika betul, hantar untuk kelulusan. Jika salah, hantar semula untuk pembetulan. | |
| | **PERINGKAT KEPUTUSAN** | |
| P/P.Pen | 8. Buat kelulusan penilaian. Jika tidak lulus, kembalikan kepada PPP untuk pembetulan. | |
| | **PENYEDIAAN SURAT/NOTIS** | |
| PT | 9. Sediakan Notis Penilaian untuk disemak. | Lampiran 1<br>Notis Penilaian |
| P | 10. Tandatangan notis penilaian. | |
| PAP | 11. Hantar notis. | |
| | **PENYEDIAAN FAIL** | |
| PT | 12. Failkan salinan notis. | |

## 7.0 REKOD KUALITI

| Rekod | Tempoh Penyimpanan | Lokasi |
|---|---|---|
| Fail pegangan (FP) hartanah yang aktif | Sepanjang masa | Kabinet Fail Unit Penilaian |

## 8.0 LAMPIRAN

8.1 Lampiran 1 - Notis Penilaian Pegangan / Hartanah

Lampiran 1 - Makluman Penolakan Bntahan Nilaian

Lampiran 2 - Sesi Pendengaran Bantahan Nilaian

Lampiran 3 - Pendengaran Bantahan Nilaian

Lampiran 4 - Keputusan Bantahan Nilaian

## 9.0 BORANG

9.1 Laporan Pemeriksaan Dan Pengukuran Harta - PL-PK(PEN)-01/01 Pindaan 01

9.2 Penyata Pemilik - PL-PK(PEN)-01/02

9.3 Penyata Penduduk - PL-PK(PEN)-01/03

9.4 Senarai Semak Pendaftaran Pegangan - PL-PK(PEN)-01/04

9.5 Borang Tindakan Kerja - PL-PK(PEN)-01/05

9.6 Kertas Penilaian - PL-PK(PEN)-01/06

## 10.0 CARTA ALIR





Hantar untuk kelulusan melalui Sistem dan Fail
Buat pembetulan
Kelulusan Nilaian
Tidak
Betul?
Ya
Sediakan notis penilaian (Sistem)
Tandatangan notis penilaian.
Hantar/Pos Notis
Failkan salinan notis bagi setiap pegangan.
Tamat

PL/JPPH/NIL/
Tarikh :

Nama:
Alamat:

Tuan / Puan,

**NOTIS PENILAIAN PEGANGAN / HARTANAH**
**NO. PEGANGAN & LOKASI :**
**NO. HAKMILIK :**

---

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pegangan / hartanah tuan / puan seperti tersebut di atas telah ditaksirkan bagi maksud cukai kadaran mulai _________. Butir-butir penilaian adalah seperti di bawah:-

(i) Nilai tahunan : RM_____

(ii) Peratus kadar : ________%

(iii) Cukai kadaran yang akan dikenakan : RM_____setahun

3. Sehubungan dengan itu, sekiranya tuan / puan terkilan terhadap cadangan nilai tahunan di atas maka bolehlah membuat bantahan secara bertulis dengan alasan-alasan yang dinyatakan dalam Seksyen 142(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti berikut;

a) Sesuatu pegangan / hartanah yang dinilai lebih daripada nilai yang boleh dikenakan kadar;
b) Sesuatu pegangan / hartanah yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;

Rujukan Kami : PL/JPPH/NIL/
Tarikh :

---

c) Seseorang atau sesuatu pegangan / hartanah yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilaian itu adalah ditinggalkan daripadanya;

d) Sesuatu pegangan / hartanah telah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;

e) Sesuatu pegangan / hartanah atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersesama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain.

4. Bantahan secara bertulis hendaklah dikemukakan ke Perbadanan Labuan tidak lewat daripada___________ (     ).

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(                              )**
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan
s.k Fail Terapung

**Rujukan** :______________
**Tarikh** :______________

______________________________
______________________________
______________________________

Tuan / Puan,

**MAKLUMAN PENOLAKAN BANTAHAN NILAIAN**
**NO. PEGANGAN** : ______________________________
**LOKASI PEGANGAN** : ______________________________
______________________________

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa permohonan bantahan nilaian tuan / puan telah di tolak kerana tidak mematuhi Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

( )
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan

Lampiran 2
PL-PK(PEN)-01
Pindaan : 01

**Rujukan :_______________**
**Tarikh :_______________**

______________________________

______________________________

______________________________

Tuan/Puan,

**SESI PENDENGARAN BANTAHAN NILAIAN**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Labuan akan mengadakan sesi pendengaran bantahan nilaian pada ketetapan seperti berikut:-

Tarikh : _______________________
Masa : _______________________
Tempat : _______________________

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan selaku Pengerusi / Ahli Tribunal Bantahan adalah dijemput hadir diri dalam sesi bantahan yang akan diadakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

( )
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan

**Rujukan** :________________
**Tarikh** :________________

________________________________
________________________________
________________________________

Tuan/Puan,

**PENDENGARAN BANTAHAN NILAIAN**
**NO. PEGANGAN** : ________________________________
**LOKASI PEGANGAN** : ________________________________
________________________________

Saya dengan hormatnya diarah merujuk bantahan tuan/puan bertarikh ______________ terhadap nilai tahunan pegangan tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sesi pendengaran bantahan berkenaan akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:-

Tarikh : ________________________
Masa : ________________________
Tempat : ________________________

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah dijemput menghadirkan diri dalam sesi bantahan yang akan diadakan.

4. Sila bawa bukti pengenalan diri semasa menghadiri sesi bantahan ini. Sekiranya tuan/puan diwakili oleh ejen, tuan/puan hendaklah memberi surat kuasa kepadanya secara bertulis.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

( )
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan

Lampiran 4
PL-PK(PEN)-01
Pindaan : 01

**Rujukan** :______________
**Tarikh** :______________

______________________________
______________________________
______________________________

Tuan/Puan,

**KEPUTUSAN BANTAHAN NILAIAN**
**NO. PEGANGAN** : ________________________________
**LOKASI PEGANGAN** : ________________________________
________________________________

Saya dengan hormatnya diarah memaklumkan keputusan bantahan tuan / puan terhadap nilai tahunan pegangan tersebut di atas.

2. Tribunal Bantahan Nilaian telah memutuskan nilai tahunan pegangan berkenaan adalah **dikekalkan / dipinda** kepada **RM**_______________.

3. Nilai Tahunan ini adalah berkuatkuasa mulai _____________.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

( )
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan